

**Ketua Pemuda MIC Lepas Jawatan Tahun Depan  
Bernama  
26 Mei, 2013**

KUALA LUMPUR, 26 Mei (Bernama) -- Ketua Pemuda MIC T. Mohan tidak akan mempertahankan jawatannya pada pemilihan parti itu tahun depan berikutan usianya yang akan mencecah 41 tahun, iaitu had umur untuk memegang jawatan itu.

"Saya telah memegang jawatan ini sejak Mei 2008...walaupun tidak memegang jawatan kelak, saya tetap akan memberi sokongan kepada muka baharu," katanya pada sidang akhbar di Kuala Lumpur, Ahad.

Ditanya mengenai cadangan menjadikan Barisan Nasional sebagai parti tunggal, beliau berkata ia belum sesuai dilakukan pada masa ini.

Pada pilihan raya umum lepas, Mohan tewas kepada Dr Xavier Jayakumar dari Parti Keadilan Rakyat dalam pertandingan lima penjuruan merebut kerusi Dewan Undangan Negeri Seri Andalas.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=952120>